



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

TINGKAT 1, MENARA SELATAN,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK,
SEKSYEN 5, 40676 SHAH ALAM
TEL : 03-5514 3400 / 3600, FAX : 03-5512 6001
e-mail : info@jais.gov.my http://www.jais.gov.my



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

JAI.SEL.BKP/05/018/3 jld 5 (34)
8 November 2011M
12 Zulhijjah 1432H

Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 BANGI

*Pudya,
nta nabil nadeh*

Y.B. Dato'/ Y.Bhg. Dato'/ Tuan / Puan,

PENCALONAN ANUGERAH MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR 1433H/2012M

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor Tahun 1433H / 2012M pada **5 Februari 2012 bersamaan 12 Rabiulawal 1433H bertempat di Stadium Malawati, Seksyen 13 Shah Alam.** Majlis tersebut akan diserikan dengan penyampaian Anugerah Khas Maulidur Rasul kepada calon - calon yang layak seperti tahun lepas dari **lima (5) kategori** yang dipersetujui seperti berikut :-

- a. Anugerah Saidina Ali
- b. Anugerah Saidatina Khadijah
- c. Anugerah Imam Al-Ghazali
- d. Anugerah Khalid Bin Al-Walid
- e. Anugerah Umar Bin Abdul Aziz

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan penyampaian anugerah ini dapat dilaksanakan kerjasama Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Peringkat Negeri Selangor Badan-badan Berkanun dan Badan Sukarela adalah dikehendaki untuk mengemukakan **calon-calon** yang berkelayakan untuk dicalonkan bagi

14 NOV 2011

anugerah tersebut berdasarkan **Panduan dan Borang Pencalonan Anugerah** yang disertakan bersama-sama surat ini. Majlis penyampaian anugerah khas ini akan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah berkenan untuk mencemar duli berangkat hadir ke majlis ini,

4. Ketua-ketua jabatan/Badan-badan berkanun/Badan sukarela hendaklah mengemukakan borang-borang pencalonan yang telah lengkap diisi kepada Urusetia Pencalonan Anugerah Khas Maulidur Rasul **sebelum atau selewat-lewatnya pada 23 Disember 2011 (Jumaat)**. Borang-borang pencalonan hendaklah dialamatkan melalui pos atau serahan tangan kepada :

Urusetia Pencalonan Anugerah Maulidur Rasul 1433H / 2012M
Unit Majlis Dan Keraian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Agama Islam Selangor
Tingkat 3, Menara Selatan
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam
Tel : 03-55143537 / 3510 / 3503
Fax : 03-55121757

5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila berhubung di talian Kerjasama daripada Y.B. Dato' / Y.Bhg. Dato'/ Tuan / Puan untuk mengemukakan calon-calon yang sesuai dan berkelayakan untuk Anugerah Khas Maulidur Rasul (S.A.W.) bagi tahun 1433H / 2012M sangatlah dialu-alukan dan diucapkan jutaan terima kasih.

Sekian, Wassalam

" BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

Wassalam

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.,
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Merangkap
Pengerusi Ahli Jawatankuasa Induk
Pelaksanaan Sambutan Maulidur Rasul
Peringkat Negeri Selangor 1433H/2012M